

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
30 SEPTEMBER 2015**

---

**1. PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG SEMPENA HARI JADI YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada penerima-penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Hari Jadi Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Yang Ke-77.

Seramai 24 orang daripada MPSP telah mendapat pingat semasa Majlis Pengurniaan Pingat Sempena Hari Jadi Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang iaitu Setiausaha Perbandaran MPSP telah dikurniakan Pingat Darjah Johan Negeri (D.J.N). Dua orang Ahli Majlis telah menerima Pingat Kelakuan Terpuji (PKT) dan dua orang ahli majlis juga menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK). Manakala selebihnya berjumlah 19 orang adalah kakitangan MPSP dimana seorang menerima anugerah Pingat Kelakuan

Terpuji (PKT), lima orang menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) dan sepuluh orang menerima Pingat Jasa Masyarakat dan tiga orang menerima Pingat Bakti Setia (PBS).  
(Senarai seperti dilampiran.)

## **2. NOTIS E CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL KEDUA 2015**

Dimaklumkan bahawa Notis E cukai taksiran untuk Penggal Kedua 2015 telah mula dipos pada 15 September 2015 kepada pemilik-pemilik premis yang masih belum menjelaskan tunggakan cukai taksiran. Pemilik premis diminta menjelaskan tunggakan cukai taksiran dalam tempoh **lima belas (15) hari** dari tarikh notis tersebut bagi mengelakkan harta dari disita dan tindakan perundangan diambil ke atas pemilik premis yang masih belum menjelaskan tunggakan cukai taksiran.

## **3. OPERASI PENYERAHAN WARAN TAHANAN SERTA SITAAN HARTA MUDAH ALIH**

Operasi penyerahan waran tahanan dan sitaan harta mudah alih akan dimulakan pada bulan **Oktober 2015** ke atas pemilik premis jika masih tiada bayaran dibuat dari tarikh waran dikeluarkan. Pemilik premis dinasihatkan agar menjelaskan tunggakan cukai

taksiran dengan **segera** atau datang ke Ibu Pejabat di Bandar Perda atau Cawangan MPSP di Jawi dan Butterworth untuk mendapatkan khidmat nasihat.

#### **4. MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI**

Sukacita dimaklumkan bahawa Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*) akan diadakan untuk kali ke-6 pada 4 Oktober 2015 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Tema Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai untuk bulan Oktober 2015 adalah *Be Healthy*. Aktiviti yang telah dirancang pada Program CFM adalah Gerai jualan dan pameran penjagaan kesihatan, Senamrobiik dan Zumba.

#### **5. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobiik Bersama MPSP akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya pada 4 Oktober 2015 (Ahad) sempena Program

MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 18 Oktober 2015 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 25 Oktober 2015 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

## **6. SELAMAT MENYAMBUT AWAL MUHARRAM 1437H**

Dimaklumkan bahawa Awal Muharam (Maal Hijrah) 1437 Hijrah adalah bersamaan dengan 14 Oktober 2015 (Rabu) dan merupakan Hari Kelepasan Am.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**